

TARIKH : 15 MAC 2023
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 10

Kemampuan ekonomi tempatan perkukuh keterjaminan makanan

Kemampuan ekonomi tempatan perkukuh keterjaminan makanan

• Dasar ekonomi Malaysia harus berubah, tidak terkongkong dengan idea globalisasi hingga negara tidak dapat mandiri

• Dasar ekonomi pascaglobalisasi bermaksud tumpuan diberikan supaya ekonomi Malaysia lebih mandiri terutama sekuriti makanan



Pengerusi Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)

Oleh Mohd Jamizal Zainol
 bhrencana@bh.com.my

Jika dahulu kita selalu dimomokkan slogan globalisasi dalam memberi erti ekonomi bentuk baharu bersifat tanpa sempadan. Sorak-sorai ketika itu menghalu supaya dasar ekonomi negara diubah dan dibentuk selari nafas globalisasi. Slogan dunia rata (*flat world*), rentas sempadan (*beyond boundaries*) dan dunia tanpa sempadan menjadi buah mulut dan buku *mega trends* seperti ditulis John Naisbitt dan Tom Friedman, dibaca serta dirujuk dalam membentuk dasar ekonomi banyak negara.

Ketika itu dasar ekonomi negara kuasa dunia dibentuk suatu pemikiran ekonomi neoliberalisme mempercayai modal dan barangan harus dibiarkan diperdagangkan secara bebas tanpa sempadan.

Penganut faham neoliberalisme percaya pendekatan pasaran bebas dan tiada sekatkan daripada mana-mana negara untuk barangan masuk didagangkan ke dalam dan luar di mana-mana negara.

Walhal, yang menguntungkan pada masa itu sudah tentu negara pengeluar barangan mempunyai kekuatan ekonomi seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun.

Selepas Perang Dunia Kedua, banyak negara sangsi dengan ketidaktentuan ekonomi dunia dan mula mengamalkan ekonomi tertutup seperti memilik-negarakan kekayaan negara.

Ini juga membakar semangat nasionalisme dan lebih ekstrem fasisme yang memandang negara kapitalisme yakni negara pengeluar barangan sebagai musuh merobek kekayaan negara pengguna dan menjadi lintah darat menghisap darah melalui sifat tamak dan menjejat keuntungan melampau.

Pemikir neoliberalisme cuba menghidupkan idea pasaran bebas ini selepas melihat masyarakat dunia terutama selepas *Great Depression* dan Perang Dunia Kedua meletakkan sedikit sekatkan keluar masuk barangan serta mula mengawal pasaran.

Menurut Rana Farooq dalam bukunya, *Homecoming: The Path to Prosperity in a Post Global World*, idea neoliberal globalisasi ini adalah suatu kegagalan apabila peristiwa COVID-19 membuktikan rantaian bekalan barangan dan makanan menjadi lumpuh apabila sempadan ditutup.

Sebenarnya globalisasi dimomokkan selama ini sebagai perspektif perlu diterima masyarakat dunia bukanlah cerita indah. Benar, globalisasi sedikit sebanyak berjaya menyediakan barangan murah kepada masyarakat dunia kerana strategi *offshoring*, iaitu membuka kilang di negara boleh menawarkan pekerja bergaji murah, tetapi globalisasi ada wajah hodoh yang perlu disedari.

Dunia ini bukanlah 'rata' tetapi penuh dengan

'bonggolan'. Ekonomi globalisasi gagal lebih meningkatkan keberkesanan melalui rantaian bekalan berada di pelbagai negara. Golongan prorangkaian bekalan pelbagai negara dan jurisdiksi seperti ini tentu berfikir ia akan menjimatkan kos barangan dan produk dikeluarkan.

Ini kerana kilang dibina di negara memberikan tenaga kerja murah atau berpotensi menggunakan barangan itu dengan jumlah besar. Ya, itu benar jika tiada peristiwa luar jangka berlaku.

Namun, langit tidak selalunya cerah, dunia ibarat bonggolan terdedah kepada bencana dan peristiwa luar jangka 'angsa hitam' seperti diungkapkan Nassim Nicolas Taleb dalam bukunya, *The Black Swan: The Impact of the Highly Improbable* seperti tsunami, faktor geopolitik, peperangan mahupun peperangan perdagangan.

Usah terkongkong idea globalisasi

Oleh itu, dasar ekonomi Malaysia harus berubah. Jangan terlampau terkongkong dengan idea globalisasi hingga negara tidak dapat mandiri. Pembuat dasar ekonomi negara perlu bergerak ke arah dasar ekonomi *resilience* atau berdaya tahan.

Misalnya negara menghadapi kekurangan telur dan ayam di pasaran tidak sepatutnya berlaku di sesebuah negara beriklim khatulistiwa seperti kita. Di mana silangnya? Jika makanan ayam menjadi isu, kita sepatutnya sudah mempunyai perancangan rantaian bekalan berterusan di dalam negara supaya Malaysia berdaya tahan bagi menghadapi sebarang ancaman dan bencana jika rantaian terputus.

Kita sudah maklum nasi ialah makanan ruji rakyat di negara ini. Maka, semua dasar ekonomi negara perlu difokuskan untuk memastikan segala rantaian bekalan daripada penanaman padi hingga menjadi beras mesti terjamin dalam negara.

Jika terjadi ancaman di negara luar atau peperangan, Malaysia sudah tidak perlu mengimport beras lagi kerana bekalan dalam negara mencukupi untuk keperluan rakyat.

Misal kedua, apakah sumber protein utama negara kita, ayam atau ikan? Jika ikan, maka segala



dasar ekonomi negara mesti dihalakan untuk memastikan bekalan ikan sentiasa ada dan cukup. Berikan bajet secukupnya untuk nelayan menangkap ikan di laut hingga ke laut dalam dengan penyediaan bot berteknologi tinggi seperti perusahaan perikanan di Jepun.

Kaedah ini dinamakan 'lokalisasi' melihat industri mana Malaysia perlu tumpukan yang kita mempunyai kelebihan *competitive edge* berbanding negara lain. Sebagai negara beriklim khatulistiwa yang sayur tumbuh segar, maka galakan perlu diberikan oleh kerajaan supaya industri pertanian cepat berkembang.

Sayur dan buah segar perlu dijadikan industri 'raksasa' di negara ini terutama melalui pertanian vertikal atau menegak. Pertanian vertikal ialah amalan menanam hasil dalam lapisan bersusun menegak yang boleh menggunakan kaedah penanaman tanah, hidroponik atau aeroponik, manakala pertanian vertikal menghasilkan makanan dalam keadaan persekitaran mencair dengan tanah pertanian tiada atau tidak tersedia.

Ini boleh dilaksanakan di kawasan bandar yang tanah pertanian sangat terhad. Pertanian vertikal ini boleh menjimatkan kos pengangkutan sebelum ini makanan organik sayuran dan buah-buahan segar datang dari luar bandar.

Contoh lain, Malaysia antara pengeluaran barangan getah terbesar di dunia seperti sarung tangan klinikal. Industri kembang tumbuh dan mekar jangan dihancurkan, sebaliknya dipastikan terus berkembang. Fikirkan industri tambahan boleh menyokong ekonomi mandiri Malaysia seperti pertanian vertikal.

Cadangan dilontarkan Rana Farooq yang menyarankan pengeluaran makanan bukan daripada haiwan atau tumbuhan tetapi penghasilan makanan daripada mikroba juga menarik.

Ia nampak seperti mustahil tetapi teknologi ini sudah berkembang di AS dengan karbon, nitrogen, hidrogen dan oksigen ditukar serta diubah menggunakan sumber tenaga mudah alih untuk menghasilkan pelbagai mikroba yang kemudian digunakan untuk menghasilkan molekul makanan seperti protein, lemak serta karbohidrat.

Ini tidak menghairankan kerana sebelum ini mikroba digunakan untuk penghasilan makanan dengan menggunakan organisma mikro untuk menjalankan proses penapaian, yis, acuan dan bakteria untuk membuat produk makanan seperti roti, cuca, yoghurt dan keju serta ikan, daging dan sayur ditapai.

Pendek kata, Malaysia perlu bersedia merencana suatu dasar ekonomi 'pascaglobalisasi' yang lebih menumpukan kemampuan ekonomi tempatan tanpa mengharapkan negara luar terutama dalam aspek keterjaminan makanan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH